

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Remaja 15 tahun, warga emas korban baharu

Selangor kekal catat jumlah kes harian tertinggi 9 hari berturut-turut

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kes baharu COVID-19 kekal empat angka, iaitu 1,581 kes semalam dengan Selangor kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi, sembilan hari berturut-turut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 100,318 kes.

Daripada jumlah kes baharu itu, katanya, ada dua kes import

yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi, iaitu sebanyak 491 kes (31.1 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 375 kes (76.4 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontrak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Kuala Lumpur sebanyak 379 kes (24.0 peratus) dan Sabah sebanyak 249 kes (15.7 peratus)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, mengenai dua kes kematian baharu semalam, ia dilaporkan di Sandakan dan Lahad Datu.

Pertambahan dua kes kematian itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian disebabkan oleh COVID-19 di negara ini sebanyak 446 kes atau 0.45 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-445, membatikan remaja perempuan beru-

sia 15 tahun dan jenazahnya dibawa ke Hospital Lahad Datu.

"Kematian seterusnya dilaporkan membabitkan lelaki berusia 61 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, dislipidemia dan strok. Jenazahnya dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan," katanya.

Bagi pertambahan kluster baharu, Dr Noor Hisham berkata, ada dua kluster masing-masing dilaporkan di Selangor dan Kuala Lumpur.

**Pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini 100,318 kes.**

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan

"Kluster pertama dikenali sebagai Kluster Kebun Baru di Kuala Langat yang dikesan melalui saringan bersasar di sebuah kilang dan kini menjangkiti 95 individu.

"Kluster kedua dikenali sebagai Kluster Sungai Burong di daerah Kuala Selangor dan sudah menjangkiti 28 kes positif.

"Kluster seterusnya dikenali sebagai Kluster Tapak Bina Jalan Tun membabitkan daerah Lembah Pantai hasil saringan bersasar di tapak pembinaan dan sudah menjangkiti 26 individu," katanya.

Bagi kluster keempat, Dr Noor Hisham berkata, ia dikenali sebagai Kluster Jalan Pandan yang dikesan di daerah Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Titiwangsa, Gombak, Petaling, Kuala Selangor dan Hulu Langat.

"Kes indeks dalam kluster ini dikesan hasil saringan individu bergejala dan sudah menjangkiti 30 individu," katanya.

## Aktiviti karaoke berbilik masih dilarang

**Kuala Lumpur:** Aktiviti karaoke berbilik yang dibenarkan untuk beroperasi di Sarawak, masih berada dalam senarai aktiviti yang dilarang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan belum membenarkan sebarang aktiviti pusat hiburan karaoke di seluruh negara.

"Aktiviti yang dibenarkan hanyalah karaoke keluarga di kawasan Zon Hijau yang berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," katanya pada sidang media mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semalam.

Selasa lalu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) mengumumkan kebenaran untuk premis karaoke berbilik di kompleks beli-belah di negeri itu, beroperasi bermula kelmarin.

Pengerusinya, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dilaporkan berkata, kebenaran itu bagaimanapun tidak termasuk KTV Karaoke, kelab malam, pub dan bistro.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak memperhalusi garis panduan prosedur operasi standard (SOP) bagi pembukaan premis karaoke di kompleks beli-belah.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Telipok Ria di Tuaran, Sabah ditamatkan semalam, seperti dijadualkan.

Katanya, keputusan itu dibuat atas saranan KKM yang mendapati baki kes aktif di lokasi berkenaan semakin terkawal.

Beliau berkata, kes jangkitan di kawasan terbabit juga menunjukkan aliran menurun.

"Sejak PKPD di taman itu dilaksanakan pada 27 November lalu, KKM sudah melaksanakan ujian saringan kepada 9,065 individu dan 806 kes disahkan positif COVID-19," katanya.

Mengenai penggunaan dron menerusi Operasi Benteng (Op Benteng), Ismail Sabri berkata, ia berjaya meningkatkan keberkesanan pemantauan sempadan dan pencerobohan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Katanya, dron mula digunakan Op Benteng sejak Jun lalu dan berhasil mengesan kejadian membawa kepada 55 tahanan.

## Majikan wajib tanggung kos kuarantin, rawatan

**Kuala Lumpur:** Majikan diwajibkan menanggung kos kuarantin dan rawatan pekerja warga asing yang positif COVID-19 serta dipindahkan ke hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan yakin pihak majikan berkemampuan untuk berbuat demikian.

"Sebelum ini pun, apabila ada pekerja sakit, biasanya mereka boleh ke klinik tertentu dan kosnya aman dibayar majikan.

"Jika majikan boleh membayar untuk sakit biasa, mereka juga perlu membayar untuk kes membatikan COVID-19," katanya pada sidang media COVID-19 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, majikan perlu mematuhi arahan berkenaan atau mungkin menanggung kerugian lebih besar sekiranya syarikat atau kilang terpaksa ditutup apabila berlaku penularan COVID-19 secara meluas dalam kalangan pekerja masing-masing.

"Kementerian Sumber Manusia memaklumkan, mereka se-



Ismail Sabri Yaakob

diadakan jadual untuk pekerja menjalani saringan COVID-19.

"Klinik panel dilantik akan datang ke kilang atau tapak binaan untuk buat ujian saringan COVID-19 kepada pekerja. Jadi semua dipermudahkan dan tak perlu beratur panjang di hospital atau klinik," katanya.

Ismail Sabri turut memaklumkan, majikan yang masih gagal memastikan pekerja asing menjalani ujian saringan COVID-19, akan dikenakan tindakan undang-undang dan penalti bermula 1 Januari depan.

Katanya, langkah itu diputuskan kerana masih ramai majikan enggan bekerjasama memasti-

kan pekerja asing dalam semua sektor membuat ujian saringan, sejak arahan itu dikeluarkan pada 1 Disember lalu.

"Sehingga kini, Kementerian Sumber Manusia mengesahkan 49,248 pekerja warga sudah menjalani ujian saringan COVID-19, membatikan 1,990 majikan.

"Namun, Kementerian Sumber Manusia memaklumkan masih ada ramai majikan enggan memberi kerjasama untuk mematuhi arahan ini.

"Jadi, sidang khas semalam bersetuju menguatkuasakan arahan ini bermula 1 Januari 2021 mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342), di mana majikan yang gagal mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan undang-undang dan penalti," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga giat memeriksa kediaman pekerja asing mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446).

"Sehingga kini, 12 syarikat dan 27 pertubuhan dikenakan ke atas majikan ingkar," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri

berkata, kebenaran untuk pelajar antarabangsa kecuali dari United Kingdom (UK) masuk ke Malaysia turut membatikan kemasukan ke institusi pendidikan swasta kategori pusat, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Kebeneran itu membatikan pusat bahasa, pusat kemahiran, pusat tuisyen dan pusat perkembangan minda yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keputusan itu menyusul selepas pada Selasa lalu, kerajaan bersetuju membenarkan kemasukan pelajar antarabangsa dari semua negara kecuali UK, termasuk bagi sesi pengajian di universiti swasta dan awam.

Kebeneran juga diberikan untuk kemasukan pelajar antarabangsa kecuali dari UK bersama pengiring bagi sesi pembelajaran di sekolah antarabangsa.

Kebeneran pelajar antarabangsa kecuali dari UK ke kampus membatikan pelajar lama dan mereka yang diterima masuk institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, selain mempunyai penginapan tetap di Malaysia.

**Terkini COVID-19 1,085** pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam | **1,581** kes baharu disahkan, semalam | **446** jumlah kematian dicatat | **100,318** jumlah kes disahkan positif | **18,773** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 41

RUANGAN : DUNIA

## Penularan COVID-19

# Singapura catat satu kes varian virus UK B117

Pelajar perempuan berusia 17 tahun disahkan positif

**Singapura:** Kementerian Kesihatan Singapura (MOH) semalam mengesahkan seorang remaja perempuan berusia 17 tahun yang menuntut di United Kingdom (UK) disahkan kes pertama varian virus B117 di republik itu.

MOH dalam satu kenyataan berkata, B117 adalah varian virus COVID-19 lebih cepat menular, yang kini merebak di UK dan Makmal Kesihatan Awam Nasional sedang melakukan turutan genom virus bagi kes COVID-19 yang disahkan dan ketibaan dari Eropah.


Sejumlah 31 kes import dari Eropah yang tiba di Singapura antara 17 November dan 17 Disember 2020 disahkan mempunyai jangkitan COVID-19 pada Disember 2020, menurut MOH dalam satu kenyataan.

Kenyataan sama berkata, hanya seorang didapati dijangkiti varian B117, manakala 12 lagi tidak dijangkiti virus varian itu.

"Lima sampel tidak boleh dipastikan susulan kandungan virusnya yang rendah dan kami masih menunggu keputusan 11 lagi kes yang pada awalnya dikesan positif varian B117, manakala dua kes belum disaring," katanya.

Kementerian itu berkata, setakat ini tiada bukti bahawa varian B117 sedang menular dalam komuniti.

Sementara itu, Setiausaha Kesihatan Britain, Matt Hancock, kelmarin berkata, satu lagi varian



Singapura semalam melaporan kes pertama varian virus UK B117 membabitkan remaja perempuan berusia 17 tahun yang belajar di United Kingdom.

baru COVID-19 cepat menular dikesan di Britain selepas kes pertama yang didapati ada kaitan dengan kes di Afrika Selatan dikesan.

"Terima kasih atas keupayaan genomik yang mengagumkan di Afrika Selatan, kami sudah mengesahkan dua kes varian baru COVID-19 yang lain di UK."

"Kedua-duanya adalah kontak kes yang melakukan perjalanan dari Afrika Selatan dalam beberapa minggu terakhir ini," katanya kepada media.

Hancock berkata, varian baharu itu sangat membimbangkan kerana ia lebih mudah disebarkan dan didapati sudah bermutasi lebih jauh daripada varian baharu yang ditemukan di UK.

Katanya, kontak rapat mereka

**Lima sampel tidak boleh dipastikan susulan kandungan virusnya yang rendah dan kami masih menunggu keputusan 11 lagi kes yang pada awalnya dikesan positif varian B117, manakala dua kes belum disaring**

Kenyataan MOH

yang dijangkiti varian baharu dan pernah berada di Afrika Selatan pada dua minggu terakhir atau mempunyai kontak rapat dengan individu berkaitannya, mesti dikuarantin.

Semua perjalanan dari Afrika Selatan disekat, manakala negara di seluruh dunia dalam beberapa hari terakhir menutup sempadannya dengan Britain dan Afrika Selatan berikutan pengesanan varian COVID-19 baharu yang cepat menular.

Pegawai Badan Kesihatan Awam England, Susan Hopkins, berkata varian baharu di UK yang mereka kenal pasti sangat berbeza dengan varian di Afrika Selatan kerana ia mempunyai mutasi berbeza.

## Korea Selatan beli vaksin dihasilkan Janssen, Pfizer

**Seoul:** Korea Selatan menandatangani perjanjian dengan dua pengeluar ubat global, Janssen dan Pfizer, untuk pembelian vaksin COVID-19 serta merancang memulakan inokulasi pada suku kedua 2021.

Perdana Menteri Korea Selatan, Chung Sye-kyun, semalam berkata, di bawah perjanjian itu, Seoul akan menerima enam juta dos vaksin daripada Janssen dan 10 juta lagi dos dibekalkan Pfizer, lapor Agensi Berita Yonhap.

"Awalnya, Korea Selatan merancang mendapatkan dua juta dos vaksin Janssen dan kerajaan dijadual mula menawarkan vaksin itu pada suku kedua tahun depan.

"Dos vaksin Pfizer dijadual tiba di Korea Selatan pada suku ketiga 2021, namun kerajaan menggerakkan semua sumber untuk mempercepatkan penghantaran pada suku kedua," katanya.

Pengumuman itu dibuat di tengah kritikan hebat terhadap pentadbiran Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in, hubung program pemerolehan vaksin.

Pengkritik berpendapat Korea Selatan ketinggalan berbanding negara lain dalam mendapatkan bekalan vaksin kerana Jae-in 'salah perhitungan' dengan keadaan.

Sye-kyun berkata, kerajaan akan berusaha memastikan rakyat mendapat suntikan vaksin secepat mungkin tanpa sebarang kebimbangan, sambil meneliti keselamatan dan keberkesanan vaksin yang didaftarkan di luar negara.

BERNAMA

**Dos vaksin Pfizer dijadual tiba di Korea Selatan pada suku ketiga 2021.**

Chung Sye-kyun, Perdana Menteri Korea Selatan

## Jangkitan menular ke 22 wilayah di Thailand

**Bangkok:** Wabak COVID-19 di Thailand sehingga kini sudah menular ke sekurang-kurangnya 22 wilayah dengan lebih 1,200 kes dikaitkan dengan pasar makanan laut di wilayah barat daya Samut Sakhon.

Pengarah Jabatan Kawalan Penyakit Thailand, Dr Sophon Lamsri-rithaworn, berkata lebih 6,300 saringan COVID-19 dijalankan susulan jangkitan terbaru di pasar makanan laut berkenaan.

"Hampir satu daripada lima ujian didapati positif COVID-19 dan dalam tempoh 24 jam lalu, 65 kes dilaporkan di 22 wilayah. Ini termasuk 16 kes di Bangkok, diikuti 10 kes di Nakhon Pathom, enam di Chachoengsai, masing-masing lima kes di Samut Prakan dan Saraburi serta tiga di Pathum Thani,"

katanya pada sidang media, di sini kelmarin.

Kes indeks di pasar makanan laut dipercayai penjual udang berusia 67 tahun yang didapati positif COVID-19 minggu lalu tetapi setakat ini, kebanyakan kontak pesakit tidak bergejala.

Berikutan peningkatan kes, kerajaan Thailand mengenakan sekatan pergerakan dan perintah berkurang pada waktu malam di Samut Sakhon.

Sehingga kini, Thailand merekodkan 5,762 kes COVID-19 dengan 60 kematian, bagaimanapun ia tidak termasuk kes di asrama pekerja asing di Samut Sakhon semalam.

Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA) mengarahkan 437 sekolah dan 299 prasekolah serta TADIKA di kawasan pentadbirannya

ditutup selama 12 hari bermula esok sebagai langkah pencegahan COVID-19.

Sementara itu, Perdana Menteri, Prayut Chan o-cha, semalam mengarahkan pihak berkaitan menubuhkan sebuah hospital lapangan dengan 1,000 katil di Samut Sakhon.

Prayut, yang juga Menteri Pertahanan, mengarahkan pihak berkuasa meningkatkan usaha menyekat kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara itu dan meningkatkan rondaan di sempadan negara.

Beliau akan mengengerusikan mesyuarat Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) hari ini, yang dijangka memperkenalkan langkah tambahan bagi mengekang penularan wabak itu. BERNAMA



Prayut bercakap pada sidang media tentang penularan COVID-19 di Thailand (Foto AFP)

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19 KITA MESTI MENANG

# Kes positif lepasi angka 100,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** - Negara merekodkan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 melebihi angka 100,000 selepas merekodkan 100,318 kes dengan pertambahan sebanyak 1,581 kes baharu semalam.

Daripada jumlah kes baharu semalam, Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi sebanyak 491 kes atau 31.1 peratus dengan 375 kes atau 76.4 peratus.

Ia diikuti oleh Kuala Lumpur sebanyak 379 kes dan Sabah sebanyak 249 kes, manakala sebanyak 270 kes membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (185 kes), Kluster Tembok Gajah (74 kes), Kluster GK Tawau (enam kes), Kluster Tembok (empat kes) dan Kluster Bakti (satu kes).

Terdapat dua lagi kematian baharu di Sabah membabitkan remaja perempuan berusia 15 tahun dan lelaki berusia 61 tahun menjadikan kes kematian sebanyak 446 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan,



**FASILITI** baharu yang siap dibina boleh memuatkan sehingga 2,000 orang pesakit yang menerima rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 di Maeps, Serdang semalam.

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 53 kluster melaporkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi ialah Kluster Penjara Jalan Harapan (185 kes), Kluster Tapak Bina Permai (138 kes) dan Kluster Kebun Baru (95 kes).

"Empat kluster baharu di-

laporkan dan satu daripadanya ialah Kluster Kebun Baru di Kuala Langat, Selangor dengan kes kluster ini saringan bersasar di sebuah kilang membabitkan 95 kes dikesan positif.

"Kluster Sungai Burong pula di Kuala Selangor dengan kes indeks lelaki berusia 46 tahun iaitu

kes jangkitan pernafasan akut teruk (SAR) seterusnya, 28 lagi kes turut dikenal pasti," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Tapak Bina Jalan Tun melibatkan kes-kes saringan bersasar tapak binaan dengan 26 kes dikesan



## Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,581
<b>Import: 2 Tempatan: 1,579</b>	
• Pullih	1,085
• Kematian	2
• Masih dirawat	18,773
• Jumlah kes sembuh	81,099
• Jumlah Kematian	446
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>100,318</b>

positif, manakala Kluster Jalan Pandan melibatkan kes indeks lelaki berusia 57 tahun saringan bergejala dan susulan itu sebanyak 30 kes dikesan positif.

Noor Hisham berkata, semalam sebanyak dua kes adalah kes import, manakala 1,579 kes penularan tempatan.

## PKPD Taman Telipok Ria, Tuaran tamat selepas 28 hari

**PETALING JAYA** - Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Telipok Ria, Tuaran yang bermula pada 27 November lalu diisytiharkan tamat semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sehingga 22 Disember lalu, Kementerian Kesihatan

(KKM) telah melaksanakan sebanyak 9,065 ujian saringan dan secara kumulatif sebanyak 806 kes positif Covid-19 telah direkodkan.

"Walaupun bagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini adalah semakin terkawal dan menunjukkan trend penurunan.

"Atas nasihat KKM, satu sidang

khas yang diadakan semalam telah bersetuju untuk menamatkan PKPD di Taman Telipok Ria, Tuaran, Sabah bermula hari ini (semalam) seperti yang dijadualkan," katanya pada sidang akhbar harian semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Ismail Sabri berkata, seramai 90,800 individu telah

pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa mulai 24 Julai sehingga kelmarin.

"Daripada jumlah itu, seramai 7,282 individu sedang menjalani kuarantin wajib di 79 hotel dan 16 premis lain termasuk institut latihan awam (ILA) serta institusi pengajian swasta di seluruh negara.

"535 individu pula telah

dibawa ke hospital untuk rawatan manakala 82,983 individu dibenarkan pulang ke rumah," jelas beliau.

Tambahnya, setakat 23 Disember, seramai 567 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa negara dan kesemuanya telah dikuarantin wajib di stesen kuarantin seluruh negara.

## Pelajar luar negara kena tanggung sendiri kos saringan



**UJIAN** calitan Covid-19 dan kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar sendiri. - GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** - Pelajar antarabangsa di institusi pendidikan swasta (IPS) yang dibenarkan masuk ke dalam negara bagi tujuan menyambung pelajaran perlu menanggung sendiri kos ujian calitan Covid-19 serta kuarantin yang diwajibkan ke atas mereka.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perbincangan yang diadakan kelmarin telah bersetuju untuk membenarkan pelajar antarabangsa kecuali dari Britain untuk masuk ke dalam negara bermula 1 Januari depan.

"Kebenaran tersebut diberi kepada pelajar melibatkan Pusat Bahasa, Pusat Kemahiran, Pusat Latihan, Pusat Tuisyen dan Pusat Perkembangan Minda yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan (KPM).

"Pelajar yang ingin masuk ke dalam negara perlu melakukan ujian saringan Covid-19 tiga hari sebelum berlepas ke Malaysia dan sekali lagi setibanya di pintu masuk negara selain menjalani kuarantin dan kesemua kos itu haruslah ditanggung oleh pelajar berkenaan," katanya pada sidang akhbar harian semalam.

Menurut Ismail Sabri, kemasukan pelajar-pelajar itu akan diuruskan oleh pihak Education Malaysia Global Services (EMGS) dan perlu mengikuti garis panduan serta prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, sidang khas yang diada-

kan kelmarin itu turut bersetuju untuk membenarkan pergerakan kapal-kapal Non-Convention Ships (NCS) untuk aktiviti transshipment yang berkuat kuasa sehingga 15 Januari 2021 bagi penghantaran lambakan baki stok barangan sedia ada di gudang-gudang di pelabuhan Sandakan dan Tawau.

"Kerajaan Sabah sebelum ini tidak membenarkan kapal-kapal NCS untuk memasuki perairan Sabah bagi tujuan sistem barter dan transshipment sebagai langkah menyekat penularan Covid-19 di negeri itu.

"Walaupun bagaimanapun, MKN Sabah memaklumkan terdapat keperluan untuk membenarkan pergerakan kapal-kapal NCS bagi aktiviti transshipment sahaja bagi penghantaran lambakan baki stok barangan sedia ada," ujar beliau.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19 KITA MESTI MENANG

Seramai 424 banduan, 23 kakitangan Penjara Kluang positif Covid-19

## Masih ada 23 kluster aktif di Johor

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

**JOHOR BAHRU** – Seramai 424 banduan dan 23 kakitangan Penjara Kluang disahkan positif Covid-19 sehingga semalam, melibatkan Kluster Tembok Gajah yang telah dikenal pasti pada 18 Disember lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R. Vidyantathan berkata, satu Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) telah diwujudkan bagi merawat pesakit tanpa gejala dan gejala ringan.

Jelasnya, Jabatan Kesihatan Negeri sedang menjalankan pencarian kes secara aktif bagi mengekang penularan secepat mungkin selepas Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dikuatkuasakan di pen-

gara berkenaan.

"Semalam, sebanyak 118 kes Covid-19 baharu dilaporkan di negeri ini, 80 kes daripada kluster aktif sedia ada, manakala 24 kes daripada saringan kontak rapat dan 14 kes daripada lain-lain saringan.

"Secara keseluruhan, Johor telah merekodkan sebanyak 3,706 kes, dengan 2009 kes iaitu 54.2 peratus dilaporkan telah pulih, 1,665 kes masih aktif dan sedang dirawat serta 32 kes kematian," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Tambah beliau, sehingga semalam, kluster aktif di negeri ini kekal sebanyak 23 kluster, antaranya termasuklah Kluster Gemilang, Kluster Kempas, Kluster Langkasuka, Kluster Makmur, Kluster Kiambang dan Kluster

Batu 7.

Tambah beliau, peningkatan kes yang dilaporkan disebabkan pencarian kes secara aktif (ACD) dan pemantauan yang dipertingkatkan Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi mengekang penularan secepat mungkin.

"Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) norma baharu dan mendapatkan rawatan segera sekiranya terdapat gejala seperti demam, batuk, sukar bernafas dan lain-lain.

"Masyarakat juga diingat untuk mengurangkan aktiviti sosial. Bagi mereka yang sering berulang-alik ke kawasan zon merah, anda digalakkan menjalani ujian calitan Covid-19 di mana-mana fasiliti kesihatan awam atau swasta," ujarnya lanjut.



ORANG ramai yang sering berulang-alik dari zon merah digalakkan membuat ujian calitan Covid-19 di fasiliti kesihatan berdekatan.

## Weststar Maxus lancar ambulans khas bawa pesakit Covid-19

**PETALING JAYA** – Pengedar jenama Maxus, Weststar Maxus Sdn. Bhd. telah melancarkan ambulans dengan ciri-ciri Tekanan Negatif yang pertama di Malaysia baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Operasinya, Julius Jonathan, ambulans itu menggunakan model Maxus V80 menawarkan perlindungan dua tahap untuk petugas kesihatan dan barisan hadapan ketika menjalankan tugas.

Katanya, ciri-ciri itu berfungsi apabila tekanan udara di dalam ambulans dikekalkan di bawah tekanan barometrik persekitaran.

"Kabin ambulans pada dasarnya menjadi ruang tertutup kedap udara dan hanya udara luar yang dapat masuk ke dalam kabin.

"Udara dalam kabin hanya akan dikeluarkan setelah kenderaan ini melalui alat pemBERSIH tekanan negatif bio keselamatan dengan menggunakan lampu 'ultraviolet' bagi memusnahkan kuman di dalam kabin secara automatik setelah digunakan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, ambulans itu juga lengkap dengan katil usung bersama ruang pengasingan



KABIN ambulans menjadi ruang tertutup kedap udara.



AMBULANS yang dilengkapi dengan piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

dan sistem penapisan Tekanan Negatif.

"Ruang pengasingan dibuat menggunakan filem TPU khas dan menggunakan tiang ABS pada setiap struktur sudut.

"Bahagian ini juga dilengkapi dengan ruang sarung tangan terbungkus untuk memudahkan kesihatan merawat pesakit terlibat," tambahnya.

Jelasnya, bahagian dalam ambulans itu turut hadir dengan fungsi amaran pada sistem keselamatan sekiranya berlaku kebocoran udara.

"Ciri-ciri yang terdapat dalam ambulans ini dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada petugas-petugas yang menaiki kenderaan ini," jelasnya lagi.

## Itik salai Terachi kembali 'bernyawa'

**KUALA PILAH** – Peniaga-peniaga itik salai di Terachi di sini menghela nafas lega selepas kebenaran merentas negeri dibenarkan kerajaan awal bulan ini.

Menurut pengusaha 48 Salai Smoke House, Mohamad Saiful Nizam Jahaluddin, 34, pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dia menutup sementara perniagaannya selama dua bulan.

Katanya, selepas membuka semula pendapatan perniagaan itik salainya terjejas hampir 80 peratus kerana kurang pelanggan.

"Awal-awal berniaga selepas PKP ada itik yang terpaksa kami buang walaupun menangung kerugian.

"Semasa Negeri Sembilan belum diisytihar Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

(PKPB) pun dua ke tiga ekor itik sahaja dapat dijual sehari," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, rata-rata pelanggan di kawasan ini dari luar Negeri Sembilan menjadi penyebab perniagaan itik salai terjejas.

"Jika PKPB hari itu (semalam) disambung lagi sebulan mungkin kami akan gulung tikar sebab tidak mampu untuk meneruskan perniagaan.

"Saya berharap kebenaran rentas negeri ini terus dibenarkan dan kami akan sentiasa menjaga SOP yang ditetapkan," tambahnya.

Bagi pemilik Itik Salai Gojes, Masitah Pilus, 45, berkata, dia bersyukur dengan kebenaran yang diberikan kerajaan kerana berpeluang untuk bangkit semula dalam perniagaan itu.



MASITAH memotong itik yang dibeli pelanggan di kedainya di Kuala Pilah semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19 KITA MESTI MENANG



AL-SULTAN Abdullah (kiri) bergambar bersama Dr. Abdul Rahman dalam pertemuan di UAE kelmarin.

## UAE sumbang vaksin kepada Malaysia

**PETALING JAYA** – Menteri Kesihatan dan Pencegahan Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Dr. Abdul Rahman Mohammed Al-Owais menyatakan hasrat kerajaan berkenaan menyumbang vaksin Covid-19 kepada Malaysia bagi tujuan kajian klinikal di negara ini.

Istana Negara menerusi satu kenyataan berkata, hasrat tersebut dizahirkan ketika sesi menghadap bersama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Emirates Palace kelmarin.

"Dalam sesi selama 45 minit yang bermula pada pukul 2 petang (waktu tempatan) itu, Al-Sultan Abdullah turut berkenan membincangkan hasrat kerajaan UAE untuk menyumbang vaksin Covid-19 kepada Malaysia antara lain bagi tujuan kajian klinikal di negara ini.

"Al-Sultan Abdullah menzahirkan setinggi penghargaan kepada Dr. Abdul Rahman dan kerajaan



Al-Sultan Abdullah menzahirkan setinggi penghargaan kepada Dr. Abdul Rahman dan kerajaan UAE di atas hasrat tersebut"

### ISTANA NEGARA

UAE di atas hasrat tersebut," katanya.

Jelas kenyataan itu, baginda menyatakan bahawa beberapa proses perlu diambil kira bagi mengetahui kebolehlaksanaan kajian klinikal di Malaysia, khususnya menerusi Pusat Penyelidikan Klinikal, Institut Penyelidikan Klinikal dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara sebelum sebarang vaksin diterima masuk ke Malaysia.

Sesi menghadap berkenaan merupakan salah satu acara dalam lawatan khas lima hari Agong ke Abu Dhabi, UAE dan Al-Sultan Abdullah turut berkenan melakukan kunjungan mesra terhadap Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan di kediaman rasminya pada 22 Disember lalu.

"Hasrat sumbangan vaksin Covid-19 dan lawatan khas ini mencerminkan hubungan dua hala yang kukuh dan erat yang telah terjalin antara kedua-dua negara.

"Ia juga menunjukkan Malaysia dan UAE bersama berganding bahu dalam usaha memerangi wabak Covid-19 dan juga kerjasama pemulihan pasca Covid-19," ujar kenyataan itu.

Lawatan khas berkenaan adalah atas jemputan Sheikh Mohamed dan Al-Sultan Abdullah dijadualkan berangkat pulang ke tanah air hari ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Kes positif Covid-19 melepasi 100,000

Catat 1,581 kes baharu pada Khamis menjadikan keseluruhan 100,318 kes positif

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**K**es positif Covid-19 melepasi angka 100,000 pada Khamis selepas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 1,581 kes baharu pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes itu kini adalah 100,318 kes. "Jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan Covid-19 pula adalah 18,773 kes," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Menurutnya, Selangor terus mengekalkan laporan kes harian baharu tertinggi dengan 491 kes melibatkan 375 kes daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan. "Kuala Lumpur pula men-

catkan 379 kes diikuti Sabah dengan 249 kes manakala Negeri Sembilan merekodkan 144 kes, Johor (115), Melaka (76), Pulau Pinang (37), Perak (26), Labuan (26) dan Pahang (12).

"Kelantan merekodkan sembilan kes, Terengganu tujuh kes, empat kes di Kedah manakala Putrajaya dan Sarawak dua kes," kata beliau.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 270 kes daripada jumlah yang dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap dan penjara.

Katanya, sebanyak 185 kes dikesan di Kluster Penjara Jalan Harapan, Kluster Tembok Gajah



DR NOOR HISHAM

(74), Kluster GK Tawau (6), Kluster Tembok (4), dan Kluster Bakti (1).

"Terdapat 102 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 45 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan dua kes kematian Covid-19 pada hari ini (Khamis) menjadikan jumlahnya adalah sebanyak 446 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian tersebut melibatkan remaja perempuan berusia 15 tahun dan jenazahnya dibawa ke Hospital Lahad Datu manakala jenazah lelaki berusia 61 tahun dibawa ke Hospital

Duchess of Kent, Sandakan mempunyai latar belakang penyakit lain.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham menasihati masyarakat agar lebih berwaspada dan berhati-hati dalam mengurangkan risiko jangkitan Covid-19.


Menurutnya, bersempena sambutan Krismas pada Jumaat, prosedur operasi standard (SOP) perlulah dipatuhi.

"Elakkan daripada berkumpul dalam jangka masa yang lama kerana ia akan meningkatkan risiko penularan jangkitan Covid-19.

"Sejajar dengan perkembangan teknologi telekomunikasi terkini, rakyat Malaysia digalakkan memanfaatkan panggilan video sebagai ganti amalan ziarah-menziarahi," kata beliau lagi.


## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




\* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 24 Disember 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 98,737 kes kepada 100,318 kes



### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PUTIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
100,318	81,009	102	446	+1,581



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## UK kesan varian kedua

Lagi penemuan virus bermutasi baharu dipercayai berasal dari Afrika Selatan

LONDON

United Kingdom (UK) mengesan satu lagi varian baharu yang berpotensi lebih berjangkit menerusi kes yang ada kaitan dengan virus bermutasi di Afrika Selatan selepas negara itu mengumumkan penemuan jenis B117 yang menular dengan cepat pada minggu lalu.

